

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, program **UiTM Health Competition – Raising Awareness on Rare Diseases & Mental Health** anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkolaborasi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pfizer dapat dilaksanakan dengan jayanya. Program ini merupakan salah satu aktiviti pemindahan ilmu bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penyakit jarang jumpa dan kesihatan mental. Program ini terbuka kepada semua belia seluruh Malaysia yang berumur antara 18 sehingga 30 tahun. Penceramah bagi program ini terdiri daripada pakar perubatan dalam kalangan pensyarah UiTM dan pakar luar yang berperanan memberikan pendedahan kepada belia mengenai kedua-dua jenis penyakit ini. Terdapat dua jenis pertandingan yang diadakan iaitu mereka bentuk poster ‘Penyakit Jarang Jumpa’ dan menghasilkan video berdurasi 2 minit mengenai kesihatan mental dengan tema "**Mental Health - Do Not Suffer Alone**".

Selain itu, pelancaran buku "**Memperkasa Kesejahteraan Komuniti**" hasil daripada program "*University for Society*" (U4S) anjuran Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Kementerian Pendidikan Tinggi turut Berjaya dilaksanakan. Program U4S Zon Tengah Wilayah melibatkan kolaborasi tiga buah Universiti Awam (UA) Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pelbagai program komuniti yang berimpak melibatkan tiga bidang utama iaitu kesihatan dan pembangunan masyarakat oleh penyelidik UM, kualiti hidup dan pendidikan oleh penyelidik dari UIAM, serta ekonomi dan digitalisasi oleh penyelidik dari UiTM telah dilaksanakan di Projek Perumahan Rakyat Gombak Setia, Kuala Lumpur bertujuan memperkasakan kesejahteraan komuniti setempat. Penerbitan buku ini diharapkan dapat mencetuskan idea baharu kepada pembaca bagi menjalankan program kelestarian komuniti di Malaysia dengan kerjasama pihak berkepentingan menggunakan model *quadruple-helix*.

Kedua-dua program ini merupakan sumbang bakti warga penyelidik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia kepada komuniti terutamanya warga belia dan B40. Semoga kedua-dua program ini Berjaya memberikan impak positif kepada masyarakat selaras dengan visi KPT iaitu "**Pendidikan Tinggi Berkualiti, Insan Cemerlang, Negara Sejahtera**"

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan program ‘UiTM Health Competition – Raising Awareness on Rare Diseases & Mental Health’ dan Pelancaran Buku “Memperkasa Kesejahteraan Komuniti”.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD. JANOR
NAIB CANSOLOR UiTM